

28/04/2002

Palestin: Najib ke AS nyata pendirian KL

Jalal Ali Abdul Rahim

TAIPING: Malaysia akan menyatakan pendirian tegasnya kepada Amerika Syarikat (AS) berhubung keganasan Israel terhadap penduduk Palestin dan meminta negara itu mengambil tindakan tegas mengatasinya.

Pendirian Malaysia, walaupun mungkin bertentangan dengan AS, akan dikemukakan Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak kepada Setiausaha Pertahanan AS, Donald Rumsfeld, dalam lawatan rasmi empat hari ke negara itu mulai Selasa ini.

Tindakan itu bagi memperjelaskan pendirian negara ini mengenai isu keganasan antarabangsa, sebelum Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bertemu Presiden AS, George W Bush, bulan depan.

Najib berkata, selain Rumsfeld, beliau juga akan bertemu ahli kongres dan beberapa tokoh pentadbiran Bush bagi menyatakan pendirian itu.

Beliau berkata, isu negara Palestin kini menjadi keutamaan dan usaha mencari penyelesaian secara komprehensif terhadapnya serta tindakan pencerobohan Israel yang melakukan kekejaman ke atas penduduk Palestin perlu segera dihentikan.

"Pendirian ini akan disampaikan kepada AS supaya sesuatu usaha secara global dapat dilakukan bagi menjamin keamanan secara berterusan.

"Nampaknya setakat memberi saranan dan teguran saja tanpa disusuli ketegasan dan kesanggupan melakukan sesuatu (bertindak ke atas Israel) tidak akan diindahkan oleh kerajaan Israel," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Umno Bahagian Taiping di sini, semalam.

Hadir sama Ketua Umno bahagian, Datuk Dr Abdul Malek Mohd Hanafiah.

Pada majlis itu Najib juga diberi taklimat mengenai rancangan Umno Bahagian Taiping membina bangunan enam tingkat berharga RM12 juta yang turut dilengkapi balai cerap sesuai dengan penekanan kerajaan terhadap pendidikan sains angkasa.

Najib berkata, pendirian mengenai beberapa isu keganasan antarabangsa juga akan dikemukakan pada pertemuan itu.

Beliau tidak menyebut secara terperinci isu lain tetapi menegaskan Malaysia mahu AS mengetahui pendirian negara walaupun ia bertentangan dengan pendirian negara itu.

"Lawatan rasmi ini bukan saja diharap menjadikan kerjasama politik antara kedua-dua negara ini dapat ditingkatkan tetapi atas beberapa isu antarabangsa kita juga akan menyampaikan beberapa pendirian kita walaupun (pendirian) berbeza dengan AS," katanya sambil menambah pendirian Malaysia sebelum ini diterima dunia sebagai pendirian yang amat tegas.

Katanya, Malaysia juga mahu AS tidak bertindak secara unilateral (bersendirian) dalam setiap perkara yang menyentuh isu antarabangsa.

Terdahulu, ketika berucap, Najib yang juga Naib Presiden Umno berkata, kekuatan ketenteraan dapat menjamin kedaulatan negara terpelihara serta mengelak daripada ditindas mana-mana pihak.

Bagaimanapun, katanya, usaha kerajaan mempermodenkan sistem pertahanan negara dan pembangunan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) tidak boleh dilakukan jika negara serta rakyatnya gagal memperkukuhkan kedudukan ekonomi, politik dan sosial.

"Kita perlu sedar peralatan tentera ini mahal harganya, contohnya sebuah jet pejuang canggih berharga RM150 juta.

"Sebab itulah kita perlu membina kekuatan ekonomi, politik dan sosial supaya sedikit demi sedikit kita dapat (gunakan wang) membangunkan ATM,"

katanya.

(END)